

**Permaisuri Agong Sampai Sumbangan Raya Kepada 200 Anak Yatim Di Yan  
Bernama  
11 Ogos, 2012**

YAN, 11 Ogos (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah hari ini berkenan menyampaikan bantuan dan sumbangan kepada 200 orang anak yatim sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di daerah Yan, di sini.

Bantuan dan sumbangan daripada Yayasan Anak-anak Yatim Sultanah Haminah (YAYSH) itu berupa duit raya, beg sekolah, hamper dan kurma yang dibawa khas dari Istana Negara, Kuala Lumpur.

Terdahulu ketika menyampaikan titah ucapan, baginda menasihatkan anak yatim agar belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan cemerlang dalam setiap peperiksaan.

"Sesungguhnya Allah S.W.T tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan mereka berusaha mengubah nasib sendiri," titah baginda pada majlis penyampaian sumbangan itu, di Dewan Datuk Madi, di sini.

Baginda turut memesan bahawa ketiadaan ibu bapa, bukan penghalang untuk mereka mengecap kejayaan sambil berharap sumbangan tersebut dapat meringankan beban perbelanjaan sempena hari raya kali ini.

Mengenai YAYSH, baginda bertitah badan itu telah banyak melaksanakan aktiviti dalam membantu anak yatim dan golongan miskin meskipun baru ditubuhkan, setahun lalu.

"Yayasan berjaya menganjurkan sambutan ulang tahun pertama yang menjana wang, selain kemurahan hati ramai penyumbang sehingga banyak aktiviti kebajikan dapat dilaksanakan untuk membela nasib insan kurang bernasib baik," titah baginda.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687429>